



No. Rujukan : UNIMEL/KEW/600.5.1/7/3 (023)

Tarikh : 30 Jun 2026
14 Muharram 1448H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	MAKLUMAN BAGI MENJELASKAN YURAN PENGAJIAN BAGI MAHASISWA/I SESI I 2026/2027.	
Kepada	Semua Mahasiswa/i Program Perdana Semester 1.	
Daripada	Bendahari, UNIMEL.	
Salinan kepada	➤ Naib Canselor ➤ TNCPI ➤ TNCAA ➤ TNC HEPA ➤ Dekan Fakulti ➤ Ketua Program ➤ Unit IT ➤ Pembantu Tadbir Fakulti	- untuk makluman YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. - untuk makluman Prof. Ts. Dr. - untuk makluman Ybhg. Dr - untuk makluman Tn. Hj. - untuk makluman - untuk makluman & tindakan - untuk tindakan hebahan memo di website. - untuk tindakan paparan memo di fakulti.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua mahasiswa/i dikehendaki membuat semakan yuran pengajian masing-masing melalui Portal Pelajar bermula pada **06 Julai 2026 (Isnin)**.
3. Sehubungan dengan itu, semua mahasiswa/i hendaklah memastikan yuran pengajian dijelaskan sepenuhnya sebelum atau pada **21 Ogos 2026 (Jumaat)**. Mahasiswa/i bertanggungjawab untuk memastikan semua bayaran yuran pengajian diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang sekatan terhadap urusan akademik.
4. Mahasiswa/i yang menerima tajaan atau pinjaman pendidikan, hendaklah memastikan jumlah tajaan atau pinjaman yang diterima mencukupi untuk menampung keseluruhan kos yuran pengajian. Sekiranya jumlah tajaan atau pinjaman yang diterima tidak mencukupi, mahasiswa/i bertanggungjawab menjelaskan baki kos yuran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.
5. Kegagalan menjelaskan yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan mahasiswa/i tidak layak menerima **Hall Ticket dan seterusnya tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir bagi semester semasa** selaras dengan peraturan dan ketetapan Universiti yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, semua mahasiswa/i diminta mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan.
6. Pihak Universiti berharap agar semua mahasiswa/i memberikan kerjasama sepenuhnya dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan urusan kewangan dan akademik dapat berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaan berkaitan semakan dan pembayaran yuran pengajian boleh diajukan kepada Pejabat Bendahari di talian 06-387 8449.

Kerjasama dan perhatian semua mahasiswa/i terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ ISMAIL BIN HASIM)

Bendahari

Universiti Islam Melaka